

18/05/2003

Beza pemikiran negara maju dengan dunia ketiga

Syed Akbar Ali

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati barisan pemuda

negara supaya jangan bercakap saja dan membahaskan tanpa putus mengenai dasar tertentu. Lebih baik bagi mereka bekerja kuat dan berusaha menjayakan rancangan baik yang telah dirangka selama ini. Sebelum ini Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengingatkan

kita mengenai bahaya pemikiran Dunia Ketiga yang boleh menghalang kita daripada maju ke depan.

Perbincangan tanpa henti dan pemikiran Dunia Ketiga ini saling berganding

untuk menghalang kemajuan bangsa kita. Kita terpaksa memperkenalkan semula

meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kerana kita sedar bahawa tanpa meritokrasi kita telah mewujudkan satu 'generasi tongkat' yang tidak dapat bersaing dalam pasaran terbuka atau pada peringkat antarabangsa.

Walaupun paling ramai sekali orang yang tidak suka diingatkan dengan isu

'tongkat' ini kita tidak mempunyai pilihan lain melainkan untuk menghadapinya dengan berani dan cuba mengubah nasib kita sendiri.

Seterusnya kita juga perlu memperkenalkan meritokrasi dalam pengambilan

tenaga pengajar IPTA dan kenaikan pangkat profesor. Tenaga pengajar IPTA sekarang dinaikkan pangkat mengikut peraturan perkhidmatan awam dan bukan

mengikut kejayaan dalam kajian dan penyelidikan dalam bidang mereka.

Akibatnya ialah pusat pengajian tinggi kita tidak boleh mengekalkan kelahiran teknologi baru atau penemuan baru dalam bidang penyelidikan kerana tenaga pengajar IPTA yang patut menjadi pencetus pemikiran baru tetap naik pangkat walaupun tiada penemuan baru dicapai.

Ini pun mencerminkan pemikiran Dunia Ketiga dan bertentangan dengan amalan negara maju. Jika kita tidak memodenkan pemikiran dalam hal ini ia

akan mengekalkan IPTA kita sebagai bejana Dunia Ketiga.

Sebagai perbandingannya Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) iaitu sebuah universiti swasta yang dipelopori parti politik MCA yang mewakili kaum Cina bakal menjadi sebuah universiti tempatan contoh yang mengamalkan

meritokrasi pada semua peringkat termasuk pemilihan dan kenaikan pangkat tenaga pengajar.

Mengikut seorang tokoh akademik tempatan, UTAR mempunyai potensi untuk menjadi sebuah universiti yang unggul di rantau ini dalam masa yang paling

singkat. Kita tidak boleh sengaja menyekat orang lain daripada maju kerana

itu adalah perbuatan berdosa. Apa yang kita perlu buat ialah menandingi mereka secara baik dan halal untuk menyaingi pencapaian mereka.

Pemikiran Dunia Ketiga juga membantutkan sistem persekolahan kita yang telah mengakibatkan kerugian besar kepada rakyat dan negara kita sejak Merdeka. Sebagai contoh, cara pengendalian peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan sebelum itu Higher School Certificate (HSC) lebih menyusahkan daripada membawa kebaikan kepada negara kita.

Sehingga hari ini peperiksaan STPM diadakan hanya sekali setahun dan penuntut dipaksa mengambil sekurang-kurangnya empat subjek yang ditetapkan. Mereka tidak boleh mengambil subjek mengikut pilihan sendiri dan mereka juga terpaksa mengambil peperiksaan dalam semua empat subjek sekali gus.

Sekiranya seorang penuntut tidak lulus dalam satu subjek saja penuntut itu terpaksa menunggu setahun lagi sebelum dapat mengulangi peperiksaan tetapi dalam semua keempat subjek. Ini adalah satu ketetapan yang membazir dan tidak masuk akal.

Apabila kita mendapati bahawa ribuan murid Bumiputera tidak lulus dalam sistem peperiksaan HSC dan STPM yang kita sendiri wujudkannya, kita mencari penyelesaiannya dengan membelanjakan berpuluh juta ringgit untuk menghantar anak kita ke United Kingdom supaya mereka boleh lulus mengikut sistem peperiksaan 'A' levels di United Kingdom.

Bezanya ialah sistem peperiksaan 'A' levels di United Kingdom membenarkan penuntut mengambil sekurang-kurangnya dua subjek saja untuk layak memasuki universiti di Britain. Penuntut bebas memilih subjek atau mata pelajaran yang mereka minati. Sesi peperiksaan juga di adakan dua kali setahun dan penuntut tidak dipaksa mengambil semua subjek dalam satu sidang. Bagi penuntut yang tidak lulus satu subjek mereka dibenarkan mengulangi subjek itu saja dan tidak perlu mengambil semula semua subjek 'A' levels.

Selain daripada itu, kita juga mewujudkan sistem pusat matrikulasi di universiti tempatan untuk mengatasi 'rintangan' HSC dan STPM itu. Ini adalah satu pengakuan yang jelas bahawa kita tidak yakin dengan sistem peperiksaan kita sendiri.

Tetapi kita tidak mengambil tindakan yang sepatutnya untuk membetulkan keadaan ini. Sebaliknya kita bersorak apabila anak anak kita mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan 'A' levels di Britain. Kenapa kita tidak mengikut saja sistem 'A' levels di Britain itu ? Sekali lagi pemikiran Dunia Ketiga menghalang kita daripada mengambil tindakan yang wajar. Kita lebih suka kekal dalam keadaan menyusahkan diri sendiri.

Pemikiran Dunia Ketiga juga tidak membantu kemajuan penuntut di kampus universiti tempatan. Contohnya ialah bilangan ramai penuntut yang belajar

geografi di universiti. Bidang ini adalah khusus dan menumpukan kepada geografi saja. Para graduan 'geografi' tidak mempunyai peluang pekerjaan yang banyak atau lumayan dalam negara kita. Ramai graduan 'geografi' tidak mempunyai pilihan melainkan menjadi guru atau pegawai kerajaan. Ataupun mereka menjadi pekerja sambilan dengan jabatan kerajaan tertentu.

Peluang kerja bagi graduan geografi boleh diperluaskan jika mereka diberi kebebasan oleh pihak universiti belajar mata pelajaran lain selain daripada geografi saja. Sebagai contohnya ketika penulis menjadi

penuntut

di Amerika Syarikat, walaupun penulis menuntut bidang pengurusan tetapi sistem pendidikan mereka membe-narkan penulis mengambil pengajian kejuruteraan, proses industri, fizik dan sains politik.

Sistem pendidikan yang terbuka seperti ini menambahkan ilmu penuntut dan

meluaskan peluang hidup bagi para graduan. Inilah bezanya antara pemikiran

negara maju dan pemikiran Dunia Ketiga. Pemikiran negara maju bertujuan untuk memudahkan kemajuan rakyatnya. Pemikiran Dunia Ketiga lebih menyusahkan orang daripada membantu mereka.

Begitu juga anak kita mulakan persekolahan pada umur tujuh tahun. Di paling banyak negara maju dan juga di negara India dan Israel kanak

kanak mulakan persekolahan pada umur enam tahun. Jika kanak-kanak mulakan persekolahan pada umur enam tahun, mereka akan menamatkan fasa pendidikan

setahun lebih awal dan menyertai tenaga kerja negara setahun lebih awal. Sudah tentu ini akan menguntungkan semua orang. Apa sebabnya kanak-kanak kita tidak boleh memulakan persekolahan pada umur enam tahun seperti di negara lain?

Apabila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau telah menukar waktu

di Semenanjung untuk menyamai waktu di Sabah dan Sarawak. Ini bermaksud bahawa Semenanjung Malaysia terpaksa memulakan hari siangnya setengah jam

lebih awal. Ini bermaksud bahawa tanpa disedari Semenanjung Malaysia telah

menam-bahkan waktu niaga dan bekerja di siang hari hampir empat peratus. Inilah contoh pemikiran Dunia Pertama.

Negara maju juga membuat peruntukan belanjawan yang paling besar untuk pendidikan sekolah rendah, jauh melebihi peruntukan untuk pendidikan peringkat universiti. Di negara Dunia Ketiga pula, termasuk Malaysia, peruntukan pendidikan yang terbesar adalah untuk peringkat universiti manakala pendidikan sekolah rendah mendapat peruntukan tertentu saja.

Sekali lagi ini menunjukkan perbezaan antara pemikiran negara maju dan Dunia Ketiga. Di negara maju, mereka membelanjakan wang yang paling banyak

sekali untuk memupuk bakat dan kebolehan kanak-kanak daripada peringkat tadika lagi. Oleh itu tidak hairanlah bahawa kanak-kanak sekolah di negara

maju boleh membaca dan memahami buku dan majalah antarabangsa serta pandai

menyoal dan menyiasat sesuatu perkara. Apabila mereka sampai ke tahap universiti, mereka telah bersedia mengharungi kajian tinggi dan mempelopori ilmu baru.

Di negara kita pula, sebagai contohnya sekiranya anak muda kita lulus STPM dalam satu sidang, beliau mungkin terpaksa belajar geografi saja selama tiga tahun.

Sekolah kita masih mengalami masalah tandas kotor. Tandas sekolah begitu

kotor sehingga murid yang hanya sakit perut terpaksa meminta pulang ke rumah untuk menggunakan tandas di rumah. Tandas kotor menjadi satu lagi bukti yang sahkan pemikiran Dunia Ketiga masih kekal dalam negara kita.

Mengikuti seorang ahli pendidikan, banyak tandas sekolah yang baru sekarang tidak lagi mempunyai tempat "kencing berdiri" untuk budak lelaki

yang lazimnya ada di tandas awam dan tandas sekolah.

Di sebuah sekolah di Selangor baru-baru ini, Persatuan Ibu Bapa dan Guru

sekolah itu telah mencadangkan untuk dibina tempat "kencing berdiri" di dalam tandas bagi budak lelaki kerana tanpa tandas jenis 'kencing berdiri'

itu ramai murid lelaki mengotorkan tandas yang sedia ada. Tetapi cadangan

ini telah dibatalkan oleh seorang yang bergelar ustaz yang berkata bahawa

tandas jenis "kencing berdiri" itu melanggar kehendak agama.

Kesudahannya, sekolah itu masih mengalami masalah tandas kotor.

Pemikiran seperti ini juga termasuk dalam pemikiran Dunia Ketiga kerana tandas moden sekarang mempunyai reka bentuk, bekas khas dan pancutan air yang bersih dan selesa untuk penggunaanya.

Yang lebih merunsingkan kita ialah bahawa pemikiran seluruh ahli PIBG itu, termasuk golongan profesional dan pegawai tinggi, boleh dipesongkan oleh seorang yang hanya di gelar ustaz. Ini menjadi satu lagi contoh pemikiran Dunia Ketiga di mana seseorang itu di beri penghormatan luar biasa atas sebab agama.

Suka atau tidak, orang yang tidak maju akan menghadapi persaingan dan cabaran daripada orang yang sudah maju. Perkara yang mundur itu akan di atasi oleh perkara yang maju. Orang yang tidak tahu maju akan terpaksa mengambil telunjuk daripada orang yang tahu mencapai kemajuan. Dalam suatu

kisah orang Arab misalnya, mereka begitu mundur dalam pemikiran mereka sehingga orang Barat yang maju boleh memasuki tanah Arab dengan sewenangnyanya dan terus mengatur semula hal ehwal bangsa Arab.

Daripada Mesir ke Palestin sehingga ke Iraq, orang Barat dengan segala kemajuannya boleh menentukan nasib dan masa depan orang Arab. Orang Arab tidak boleh membuat apa pun.

Dalam negara kita, 46 tahun yang telah berlalu sejak Merdeka itu menjadi

tempoh permulaan dan percubaan yang kita telah mengharunginya sebagai persediaan untuk menghadapi abad ke 21 ini. Sesiapa pun tidak suka kepada

tongkat tetapi kita masih menggunakannya. Kita hanya boleh mara ke depan jika kita boleh bersaing secara terbuka tanpa sebarang tongkat. Ini memerlukan peralihan paradigma dalam minda kita. Segala-galanya terikat kepada cara pemikiran kita.